



## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS TANAH NEGARA

### MESYUARAT KE-72 MAJLIS TANAH NEGARA

**28 APRIL 2016 (KHAMIS)**

---

1. YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat ke-72 Majlis Tanah Negara di Dewan Persidangan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) JPM hari ini.
2. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dan semua Menteri-Menteri Besar/ Ketua Menteri.
3. Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ini diadakan selaras dengan kehendak Perkara 91(3) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan supaya mesyuarat MTN ini perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Pada hari ini, MTN telah membincangkan **lima** kertas pertimbangan yang menyentuh beberapa dasar penting berkaitan dengan tanah.
3. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mencadangkan kepada Kerajaan untuk melaksanakan pindaan dan penambahbaikan terhadap tiga (3) akta berkaitan tanah iaitu **Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965)**, **Akta Pengambilan Tanah 1960** dan **Akta Hakmilik Strata 1985**. Kali terakhir Kanun Tanah Negara dipinda ialah pada 2008 manakala pindaan terakhir pada

Akta Pengambilan Tanah dibuat pada tahun 1997. Akta Hakmilik Strata pula baru dipinda pada tahun 2013.

4. MTN yang bersidang pada hari ini telah bersetuju dengan Rang Undang-undang bagi **Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016**. Ia melibatkan pindaan kepada lebih daripada 70 seksyen yang turut merangkumi pengenalan 3 seksyen baru. Ia meliputi prosedur baru bagi pelanjutan hakmilik bertempoh, cukai petak dan penyerahan secara elektronik. Pindaan juga menyentuh kandungan Jadual Pertama yang melibatkan borang-borang dan juga Jadual Kelima, Jadual Kesepuluh dan Jadual Keenam Belas dalam Kanun ini. Pindaan Kanun Tanah Negara pada kali ini bertujuan untuk menambahbaik prosedur pendaftaran dan penyampaian perkhidmatan, sistem kutipan hasil, prosedur pelupusan dan pembangunan tanah. Ia juga untuk menyelaraskan dengan beberapa dasar dan keperluan semasa, di samping bertujuan memperkasakan aspek penguatkuasaan. Selain daripada itu, ia turut mengambil kira keperluan untuk menyediakan peruntukan yang berpadanan (*corresponding amendments*) sesuai dengan pindaan kepada Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Pengambilan Tanah 1960.
6. MTN juga telah bersetuju dengan Rang Undang-undang bagi **Akta Hakmilik Strata 1985 (Pindaan) 2016**. Pindaan ini akan memperkenalkan kutipan cukai ke atas petak dalam skim hartanah berstrata dan penguatkuasaannya. Apabila kutipan cukai petak dikuatkuasakan, maka kutipan cukai atas hakmilik induk mengikut Kanun Tanah Negara akan terhenti. Pindaan ini juga memberi kelonggaran bagi memudahkan pengeluaran hakmilik strata bagi bangunan-bangunan lama yang diduduki sebelum April 2007. Di samping itu, ia juga menyediakan prosedur bagi pengurusan hakmilik strata sekiranya berlaku pengambilan tanah ke atas skim hartanah berstrata dalam bentuk suatu Jadual baru serta beberapa pindaan lain bagi penambahbaikan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985.
7. Pada masa yang sama, MTN turut bersetuju dengan Rang Undang-undang bagi **Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016** yang melibatkan pindaan ke atas lebih 40 seksyen dan Jadual

Pertama. Di samping itu, pindaan juga dibuat terhadap borang-borang dalam Jadual Kedua dan Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah yang akan dikuatkuasakan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Cadangan pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 ini antara lain memperincikan prosedur bagi pengambilan tanah bawah tanah dan pengambilan melibatkan hartanah berstrata serta penggunaan sementara.

8. Draf undang-undang pindaan ke atas tiga (3) Akta ini telahpun dimurnikan oleh Jabatan Peguam Negara dan diluluskan oleh Jemaah Menteri. Selepas mendapat kelulusan Majlis ini, cadangan pindaan yang berbentuk Rang Undang-undang pindaan akan dibentangkan dalam sidang Parlimen yang akan datang. Manakala cadangan berbentuk Pindaan kepada Jadual-jadual dan Kaedah akan dibuat oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan diwartakan untuk dikuatkuasakan bersama-sama penguatkuasaan Akta-Akta Pindaan kelak.
9. Selain daripada itu, sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan Pasukan Petugas Khas (PPK) dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTH) kepada pejabat-pejabat tanah, MTN telah bersetuju supaya **PPK** ini dijenamakan semula dan diserapkan sebagai perjawatan tetap. Fokus ditumpukan kepada 3 urusan tanah utama iaitu Urus Niaga dan Bukan Urus Niaga, Permohonan dan Pendaftaran Hakmilik Strata dan Pengambilan Tanah khususnya melibatkan projek-projek Kerajaan Persekutuan.
10. MTN juga bersetuju supaya Kerajaan memasukkan **Moratorium melalui Sekatan Kepentingan dalam dokumen hakmilik bagi rumah yang dijual di bawah Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)**. Projek perumahan di bawah PPA1M dan PR1MA merupakan usaha yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam membantu rakyat termasuklah penjawat awam dan golongan kumpulan sasar untuk memiliki kediaman yang mampu milik dan berkualiti. Keperluan untuk memasukkan moratorium yang seragam menerusi sekatan kepentingan dalam dokumen hakmilik adalah penting bagi memelihara kepentingan Kerajaan

Persekutuan dalam mengelakkan penyalahgunaan faedah yang diberikan memandangkan penjualan rumah ini adalah pada harga yang rendah berbanding harga pasaran.

11. Perubahan dan pindaan ke atas tiga perundangan tanah yang utama ini telah melalui pelbagai sesi semakan dan konsultasi agar ianya menepati hasrat dan aspirasi pembangunan Negara amnya serta kehendak rakyat khususnya. Ia mencerminkan langkah proaktif Kerajaan untuk memastikan perundangan tanah Negara bergerak sejajar dengan perkembangan semasa. Adalah menjadi harapan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya pindaan terhadap undang-undang ini akan membawa paradigma baru dalam sistem penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah.